

JABATAN KEHAKIMAN  
MAHKAMAH TINGGI  
KUALA LUMPUR

Tel: 924155

Bil. (111) dlm. JK/IP 39/54-A

Tarikh: 16hb. Mei, 1983.

Semua Yang Di Pertua/Mejistret,  
SEMENANJUNG MALAYSIA.

Tuan/Puan,

Pekeliling Pendaftar Bil. A 3/83

Persatuan Pegawai-Pegawai Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan

Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Agung Tahunan persatuan yang tersebut di atas akan diadakan pada hari Sabtu, 28hb. Mei, 1983 pada pukul 11.00 pagi di Tingkat 20, Bangunan Bank Rakyat, Jalan Tangsi, Kuala Lumpur. Untuk membolehkan Yang Di Pertua/Mejistret menghadiri mesyuarat tersebut kebenaran adalah diberi untuk tuan/puan yang berada di luar Kuala Lumpur untuk membuat peraturannya menangguhkan kes-kes yang telah ditetapkan untuk dibicara pada hari tersebut dan pada hari yang berikut. Bagi tuan/puan yang bertugas di Kuala Lumpur dan berhampiran, aturan bolehlah dibuat untuk meninggalkan pejabat lebih awal untuk menghadiri mesyuarat tersebut.

2. Di sini saya mengambil perhatian tuan/puan bahawa Jabatan Perkhidmatan Awam telah membenarkan Ketua Jabatan meluluskan cuti tidak berekod tidak melebihi 2 hari kepada pegawai-pegawai ikhtisas yang menjadi ahli persatuan ikhtisas yang tersebut di atas untuk menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 tahun 1981) dan pegawai-pegawai berkenaan adalah berkelayakan menuntut bayaran, tambang keretapi atau pun elaun hitungan batu mengikut

kelayakan masing-masing. Ini berdasarkan kepada Peraturan dalam Perintah Am 45 Bab C dan Pekeliling Perkhidmatan bilangan 9/77.

t.t. Noor Azian bte Shaari

Pem. Ketua Pendaftar,

Jabatan Kehakiman Malaysia,

Mahkamah Persekutuan,

Kuala Lumpur.

s.k.

Y.A. Hakim-Hakim Semenanjung Malaysia.